

29 OCT 1996

KENAIKAN HARGA RUMAH MURAH PERLU DISAKSAMAKAN DGN PENINGKATAN MUTU

KUALA LUMPUR, 29 Okt (BERNAMA) -- Pemaju-pemaju perumahan menyedari hakikat bahawa kenaikan dalam harga rumah murah perlu disaksamakan dengan tanggungjawab untuk membina rumah yang bermutu tinggi.

"Dengan kenaikan harga itu kami perlu menyerahkan sebuah tempat kediaman yang sempurna dan selesa untuk kehidupan," kata pengerusi Persatuan Pemaju Perumahan (HDA) cawangan Wilayah Persekutuan (KL)/Selangor, Eddy Chen malam ini.

Semasa berucap pada majlis jamuan tahunan cawangan itu di sini, beliau berkata kenaikan harga akan menjadikan pembinaan rumah murah satu bidang yang berdaya untung, dan pemaju-pemaju di Wilayah Persekutuan dan Selangor terutamanya, akan mendapat faedah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata bahawa pada masa depan harga rumah kos rendah akan ditetapkan mengikut tempat di mana ia didirikan.

Kerajaan berpendapat bahawa harga siling RM25,000 yang ditetapkan lebih 20 tahun lalu tidak lagi berdasarkan kenyataan kerana harga tanah dan pendapatan rakyat telah meningkat.

"Kami bersetuju sepenuhnya dengan kenyataan itu, satu kenyataan yang kami nanti-nantikan sejak beberapa tahun lalu," kata Chen.

Ia akan memberi dorongan baru kepada cabaran yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan untuk memenuhi sasaran perumahan kos rendah kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, tambahnya.

Chen juga menyatakan sokongannya kepada penubuhan Syarikat Perumahan Negara seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1997 pada Jumaat lepas.

Ia merupakan satu langkah positif ke arah memenuhi keperluan perumahan rakyat negara ini, katanya.

Beliau juga berkata masa depan industri hartanah dalam beberapa tahun ini kelihatan menggalakkan tetapi akan terdapat cabaran-cabaran untuk segmen-segmen tertentu, terutama sekali dalam peruncitan komersil dan pasaran kondominium berharga sederhana tinggi dan tinggi. -- BERNAMA

MSL SIA